

17/11/1999

Bukti pemimpin Pas terpesong

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Pas yang dahulunya mahu ulama menjadi Perdana Menteri, kini rela menerima orang bukan Islam menyandang jawatan itu semata-mata kerana pilihan raya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Pas sanggup menerima Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang untuk memegang jawatan itu kerana mahukan sokongan DAP, sedangkan ia menyimpang daripada pendirian Pas sebelum ini.

"Mereka (pemimpin Pas) kata yang layak menjadi pemerintah hanya ulama. Apakah Kit Siang itu ulama yang mereka tiba-tiba sanggup terima. Jadi kita nampak mereka bukan ada pemikiran asas yang tepat atau mereka hanya 'convenience' (selesa) untuk dapat undi.

"Yang jelas ialah cara kerjasama pakatan (pembangkang) ini bukan dicipta oleh mereka. Tujuannya cuma untuk pilihan raya. Kita dapati mereka tidak ada persefahaman.

"Dalam manifesto tidak ada negara Islam tetapi di Terengganu mereka akan terus memegang kepada kehendak mereka untuk mendirikan negara Islam," kata Dr Mahathir dalam temu bual khas dengan Pengarang Urusan Berita dan Ehwat Semasa TV3, Chamil Wariya. Temu bual sejam itu disiarkan TV3 dan stesen radio swasta, malam ini.

Perdana Menteri berkata, gabungan 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) sebaliknya bekerjasama rapat dan wujud persefahaman erat untuk terus membawa kesejahteraan dan pembangunan kepada rakyat pelbagai kaum.

Katanya, barisan pembangkang merangka manifesto yang jelas sekali bercanggah dengan kepentingan serta pendirian masing-masing tetapi mengemukakan manifesto sebagai memberi gambaran kepada orang ramai bahawa mereka ada perancangan.

"Ini macam bidan terjun saja iaitu mereka buat manifesto yang jelas sekali tidak disokong oleh mereka sendiri...cuma sebagai memberi gambaran kepada orang ramai mereka ada manifesto, tetapi masing-masing mempunyai pendiriannya yang tersendiri.

"DAP dengan 'Malaysian Malaysianya', Pas dengan negara Islamnya dan Pas juga dalam perlembagaannya berkata, Perdana Menteri mesti orang Islam tetapi sanggup menerima Kit Siang sebagai Perdana Menteri. Mereka terima apa saja," katanya.

Dr Mahathir juga menyifatkan belanjawan 2000 barisan alternatif yang disertai Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebagai janji kosong kerana menyedari mereka akan kalah.

Katanya, BN tidak akan menabur janji yang tidak boleh ditunai dan belanjawan yang diperkenalkan oleh BN dibuat setelah berasaskan kebolehan mentadbir serta menguruskan ekonomi negara.

Beliau berkata, kerajaan menguruskan kewangan negara dengan begitu baik sehingga tidak perlu meminjam ketika negara menghadapi tekanan kegawatan ekonomi, tidak perlu melutut kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan kini ekonomi negara tumbuh semula.

Mengulas tindakan pembangkang khususnya Pas menyebarkan satu kaset ucapannya bagi membuktikan kononnya beliau antiulama, Dr Mahathir berkata kaset itu disunting dengan memotong banyak ungkapannya dan diselang-seli dengan ulasan mereka, menyebabkan maksud sebenar ucapannya sudah lari.

"Saya tidak kata saya antiulama atau tidak terima ulama tetapi mereka sengaja memotong perkataan tertentu dalam pita rakaman itu supaya orang bila mendengar rasa amat marah kenapa Dr Mahathir antiulama." katanya.

Beliau berkata, ucapan itu dibuat dalam satu majlis agama peringkat

kebangsaan yang diadakan secara tertutup dan seharusnya sebarang rakaman tidak boleh diberi kepada sesiapa.

"Dalam ucapan itu saya menjelaskan siapa sebenarnya ulama dan saya berkata kita tidak boleh menerima sebarang orang sebagai ulama terutama apabila kita berkata ulama adalah pewaris Nabi, kita mengangkat taraf ulama itu begitu tinggi.

"Takkanlah kita boleh beri gelaran ulama kepada siapa saja. Itulah yang saya jelaskan. Saya terima ulama tetapi bukan semua yang mendakwa diri mereka ulama saya boleh terima.

"Saya dapati banyak orang yang mendakwa diri mereka ulama, sebenarnya mempunyai kepentingan yang lain daripada agama, iaitu kepentingan politik," katanya.

(END)